



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

WAIPA 2025 : MENERAJUI INOVASI, INKLUSIVITI DAN KEPELBAGAIAN MELALUI PARLIMEN SEIMBANG GENDER DEMI PERSIAPAN MASA HADAPAN ASEAN

KUCHING, 21 APRIL – Parlimen Malaysia dengan kerjasama Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak akan menganjurkan Mesyuarat *Women Parliamentarians of AIPA* (WAIPA) yang bertemakan “*Steering Innovation, Inclusivity and Diversity Through Gender-Balance Parliaments for a Future-Ready ASEAN*”. Mesyuarat yang berlangsung di Damai Lagoon Resort, Kuching Sarawak bermula 21 hingga 24 April 2025 ini akan melibatkan penyertaan daripada delegasi-delegasi parlimen dari seluruh negara ASEAN.

Pelaksanaan mesyuarat ini selaras dengan kepengerusian ASEAN oleh Malaysia dan penggiliran Parlimen Malaysia sebagai Presiden *ASEAN Inter-Parliamentarian Assembly* (AIPA) pada tahun ini. Objektif utama mesyuarat adalah untuk memacu usaha parlimen yang seimbang dari segi gender di ASEAN, dengan penekanan kepada penggubalan dasar yang inovatif dan lebih peka dalam menangani keperluan masyarakat yang mendesak.

Mesyuarat ini juga bertujuan untuk meneroka penyelesaian bagi isu-isu berkenaan penyertaan wanita dalam politik serta memupuk persekitaran yang mengiktiraf kesaksamaan gender dalam tadbir urus bagi membangunkan ASEAN yang mampan dan berdaya tahan. Mesyuarat WAIPA ini akan dipengerusikan oleh YB Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga penglibatan beberapa orang Ahli Parlimen sebagai delegasi Parlimen Malaysia.

Majlis pembukaan mesyuarat ini pada 22 April 2025 akan dirasmikan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak dan turut disertai oleh YB Tan Sri (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Tan Sri Datuk Amar Mohamad Asfia Awang Nasar, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Puan AR. Siti Rozaimeryanty binti Haji Abdul Rahman, Setiausaha Agung AIPA.

21 APRIL 2025

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PARLIMEN MALAYSIA**